

# KSSUP bertahlil di Kubah Makam Diraja



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (dua, kiri) mengetuai rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 18 Mei. - Bersempena bulan Ramadan yang penuh berkat ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong di sini.

Majlis tersebut adalah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Rombongan seramai kira-kira 250 warga KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya itu diketuai

oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Turut hadir, Setiausaha KSSUP, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Abdul Hadi bin Mohd. Salleh; Pemangku Setiausaha Tetap (Pelancongan), Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan, para pegawai dan kakitangan KSSUP.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim.

Majlis tersebut merupakan aktiviti keagamaan KSSUP yang diadakan setiap tahun dalam sama-sama meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda di bulan Ramadan Al-Mubarak ini.

## Kerajaan bantu mangsa rumah kebakaran



MENTERI Pertahanan Kedua selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyampaikan bantuan kepada mangsa bencana rumah kebakaran di Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau, Dayang Norlela binti Haji Majenis.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 18 Mei. - Atas dasar pemedulian kerajaan dalam membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh

mangsa bencana kebakaran, satu majlis penyampaian bantuan kewangan kerajaan diadakan di Bilik Kunjungan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

(KKBS), di sini.

Bantuan kewangan kerajaan tersebut disampaikan oleh Menteri Pertahanan Kedua selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof kepada mangsa bencana rumah kebakaran di Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau, Dayang Norlela binti Haji Majenis pada 12 April 2019.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebelian dan Kesukuan), Kolonel (B) Pengiran Haji Maitiddin bin Pengiran Haji Said; Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan KKBS, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Alus; dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir; juga pegawai-pegawai kanan KKBS dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Bantuan kerajaan yang dihulurkan itu adalah diharapkan sedikit sebanyak akan dapat membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh para mangsa dan keluarga mereka untuk meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

## YEP adakan Majlis Khatam Al-Quran

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**GADONG,** Sabtu, 18 Mei. - Dalam meraih pahala di bulan yang penuh keberkatan ini, para peserta Program Eksekutif Muda (YEP) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Surau Al-Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Majlis Khatam yang melibatkan peserta YEP kohort pertama hingga ke-4 tersebut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan surah-surah lazim dipimpin oleh wakil kohort ke-4, Awang Muhammad Fakhri bin Haji Abdul Hakip disusuli kemudian dengan bacaan Takhtim oleh peserta kohort ke-3.

Majlis diteruskan dengan Doa Khatam dibacakan oleh wakil kohort-2, Awang Adlan Aziz bin Haji Yussof diikuti dengan bacaan dikir.

Pada majlis berkenaan, turut mendengarkan perkongsian melalui ucapan khas daripada tetamu kehormat yang berkisar mengenai ciri-ciri kepimpinan dari perspektif Islam yang sewajarnya menjadi teladan dan ikutan para pemimpin dalam menjalankan tugas sehari-hari dan memimpin orang bawahan di dalam perkhidmatan awam.

Majlis diakhiri dengan Majlis Berbuka Puasa serta Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah yang diimkan oleh tetamu kehormat.

Program YEP merupakan sebuah program kepimpinan dalam 'Civil Service Leadership Pipeline' anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Institut Perkhidmatan Awam (IPA), JPM.

Turut hadir, Setiausaha Tetap JPM, Awang Haji Mohd. Rizal bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; Pemangku Ketua Pengarah JPA, Dr. Awang Norfarizal bin Othman; Pengarah Pembangunan dan Pengurusan JPA, Dayang Hajah Noor Airah binti Haji Abdul Rahman serta para pegawai dan kakitangan JPA dan IPA.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (empat, kiri) hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Peserta Program Eksekutif Muda (YEP) yang berlangsung di Surau Al-Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).